Bahagian B

/70

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500** *patah perkataan.*

DOMAIN AWAM

Pertandingan Keceriaan Bulan Kemerdekaan 2019 bukan sahaja memupuk semangat patriotik kepada negara, namun mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan lapisan masyarakat. Pelaksanaan pertandingan ini dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia bagi mengiktiraf rakyat Malaysia yang menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan.

Sumber: *Berita Harian*, 24 November 2019

Petikan di atas menerangkan sambutan Hari Kebangsaan.

Huraikan usaha-usaha memupuk semangat patriotik dalam kalangan rakyat di negara ini.

DOMAIN PERIBADI

Sambutan Hari Guru Sedunia 2020 telah berjaya dianjurkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) dengan temanya "Guru Memimpin Waktu Krisis, Merubah Masa Depan" pada 4 hingga 6 Oktober 2020 di Hotel AC, Kuala Lumpur. Pelbagai program diadakan seperti majlis pelancaran buku, majlis penghargaan, dan majlis Jasamu Dikenang. Sambutan ini berlangsung dalam suasana yang meriah.

Sumber: *Buletin Guru Malaysia*, November 2020

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan sambutan Hari Guru. Pelbagai cara dilakukan bagi mengenang jasa dan pengorbanan para guru.

Sebagai seorang murid, apakah yang boleh anda lakukan untuk meraikan dan mengenang jasa serta pengorbanan para guru?

LIVEWORKSHEETS

DOMAIN PENDIDIKAN

Pusat sumber sekolah ialah tempat yang menyediakan kemudahan dan koleksi bahan pengajaran serta pembelajaran yang perlu diurus secara sistematik. Kemudahan pusat sumber perlu dimanfaatkan bagi mendidik diri menjadi masyarakat berbudaya ilmu dan gemar membaca sepanjang hayat. Hasil pembacaan dapat melahirkan murid yang berkualiti dari segi intelek dan sahsiah.

Dipetik daripada "Galak Murid Budaya Membaca" oleh Maria Uffa Zulkkafli, *Berita Harian*, 7 Oktober 2019

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan pusat sumber sekolah.

Bincangkan pendapat anda tentang kepentingan pusat sumber sekolah bagi membantu kecemerlangan akademik dan sahsiah murid.

DOMAIN KERJAYA

Menurut Jabatan Statistik Malaysia, kadar pengangguran rakyat Malaysia telah meningkat daripada 2.6 peratus pada tahun 1996 kepada 3.7 peratus pada tahun 2009 dan jumlah peratus masih melebihi tiga peratus sehingga tahun 2018. Para siswazah menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan kerana mereka tidak memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pihak industri. Kajian menunjukkan bahawa pengangguran dalam kalangan siswazah adalah disebabkan kursus atau kemahiran yang dimiliki oleh mereka tidak bersesuaian dengan keperluan majikan.

Dipetik daripada rencana "Peluang Kerjaya Siswazah Menganggur" oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim, *Dewan Siswa*, Jun 2018

Petikan di atas menerangkan kadar pengangguran di negara ini. Walaupun pelbagai bidang pekerjaan terbuka luas, namun kadar pengangguran dalam kalangan siswazah masih meningkat.

Huraikan langkah-langkah untuk menangani masalah pengangguran di negara ini.

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS